

Menyerang jika terancam

KUALA LUMPUR: "Anjing akan bertindak agresif sekiranya ia melihat berlaku ancaman kepadanya dan perkara ini perlu dilakukan oleh orang awam dengan memastikan mereka tidak mencuba untuk mengganggu haiwan ini terutamanya anjing liar.

"Sekiranya didapati kumpulan anjing liar ini terlalu banyak, orang awam perlu memaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) agar tindakan menangkapnya dapat dilakukan," kata Pengurus Persa-



IMBAS...laporan Harian Metro, semalam.

tuan Bagi Mencegah Kezaliman Haiwan (SPCA), Chelvy Mageswaran.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas beberapa kes serangan haiwan itu.

Semalam, seorang kanak-kanak, Muhammad Nabil Amin Abd Wahab, 10, terpaksa menerima 20 jahitan selepas diserang tiga anjing liar ketika bermain bola di Taman Bandar Baru, Sungai Lalang, Kedah.